

24/07/2000

Kikis sikap kumpul tanah terbiar

TANAH bagi kebanyakan Bumiputera, khususnya Melayu di luar bandar adalah harta dan lambang kekayaan. Mereka sanggup berbalah adik beradik, malah sampai berbunuhan kerana merebutkan tanah pusaka. Kepada yang mempunyai kemampuan kewangan, mereka lebih cenderung membeli tanah daripada membuat pelaburan dalam bidang lain. Walaupun tanah itu tidak dimajukan, mereka percaya tiba masanya nanti harganya akan naik. Kepada kebanyakan penduduk luar bandar, adalah lebih baik memiliki banyak geran tanah daripada sijil saham, rumah yang lebih sempurna atau kehidupan yang agak mewah. Mereka lebih rela tanah itu terbiar daripada dimajukan jika langkah itu nanti tidak menjamin ia kekal sebagai milik mereka sepenuhnya.

Pandangan yang diwarisi secara turun temurun seperti inilah menyebabkan kira-kira 300,000 hektar tanah masih terbiar di seluruh negara. Walaupun pelbagai rancangan dibuat, masalah tanah terbiar masih lagi menjadi cabaran utama bagi perancang dan pelaksana agensi berkaitan tanah dan pertanian. Bagaimanapun, krisis ekonomi kesan kejatuhan nilai ringgit dua tahun lalu mengajar kita bahawa sektor pertanian masih lagi penting walaupun negara sudah beralih ke sektor perindustrian. Dengan nilai import makanan tahunan hampir RM11 bilion, kita berpendapat sudah tiba masanya sektor pertanian dan pengeluaran makanan bukan lagi sekadar untuk sara diri, sebaliknya mesti berteraskan eksport.

Bagaimanapun, usaha ke arah itu tidak mungkin tercapai hanya sekadar pelancaran dasar baru atau menandatangani beberapa memorandum persefahaman. Ia memerlukan pembabit dan perubahan sikap semua pihak, daripada pembuat dasar, agensi pelaksana sehinggalah kepada rakyat Bumiputera sendiri, yang paling ramai memiliki tanah terbiar dan menjadi petani sara diri. Walaupun saiz tanah yang mereka miliki kecil, keluasan bukan lagi faktor utama dalam meningkatkan hasil pertanian sekarang. Yang penting, seperti kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin ialah mengikis sikap lama yang enggan mengusahakan tanah itu secara komersil. Jika sikap itu dapat dikikis dan petani sedia menggunakan kaedah yang moden dan canggih, bukan saja mereka mendapat nikmatnya, malah negara mampu menjadikan sektor pertanian sebagai satu industri, dalam tempoh terdekat ini.

Banyak contoh yang boleh diikuti mengenai pentingnya sikap dan pendekatan dalam memajukan sektor pertanian. Walaupun Jepun negara perindustrian, setiap tanah kosongnya walaupun sekangkang kera dan di tengah pusat bandar, ditanam dengan padi atau sayur-sayuran. Sikap dan budaya rakyatnya yang rajin serta menghargai tanah, menyebabkan tiada kawasan terbiar. Dari segi teknologi, Jerman yang hanya mempunyai 100,000 petani, mampu mencatat pengeluaran hasil pertanian kira-kira AS\$250 bilion (RM950 bilion) setahun. Dari segi keberkesanan penyelidikan dan pengurusan pertanian pula, kita sejak sekian lama menikmati beras dan buah-buahan tropika yang diimport dari Thailand kerana rasanya lebih enak dan harganya murah.

(END)